

02/02/2003

Straits Times Singapura ikut rentak pemimpin PAP putar belit isu

A Ghani Nasir

DARIPADA dikenali sebagai akhbar `penakut' dan `terlalu jinak', The Straits Times (ST) Singapura tiba-tiba saja menjadi berani dan garang apabila memperkatakan isu air dan Pulau Batu Putih.

Ini tidak syak lagi kerana ia adalah isu berkaitan hubungan luar, apatah lagi membabitkan pula Malaysia yang pernah menendang republik itu keluar pada 1965.

Dendam PAP (ST adalah milik SPH, anak syarikat GIC, cabang pelaburan kerajaan Singapura) terhadap Malaysia kerana menghapuskan sama sekali impiannya untuk berkuasa di Malaysia berikutan pemisahan Singapura dari Malaysia, tetap membara. Lantas, tidak hairanlah ST digunakan sepenuhnya bagi meracuni pemikiran rakyatnya agar membenci Malaysia dan pemimpinnya hari ini.

Namun, dalam keghairahan menunjukkan ia tetap `harimau' yang boleh mengaum, ST secara sedar atau tidak mengikut rentak pemimpin PAP dalam membohongi dan memutarbelitkan fakta berkaitan isu air dan Pulau Batu Putih.

Tentunya dalam percubaan menipu pembaca Singapura, terutama membuat orang Melayu dan tidak kurang generasi muda Cina di sana mempersoalkan kejujuran Malaysia, akhbar perdana itu menjadi hamba kepada dalang dalam PAP.

Rencana dan laporan akhbar utama Malaysia, khususnya Berita Harian, dipetik dan disingkatkan -- membuat ia terkeluar daripada konteks sedang liputan sidang akhbar dan kata-kata menteri kita diputarbelitkan.

Dalam hal ini, tidak syak lagi koresponden ST di Kuala Lumpur telah mengkhianati pembaca di Singapura dan membantu merosakkan hubungan dua hala dengan memberi gambaran tidak tepat pelbagai isu berbangkit.

Ambil saja soal Pulau Batu Putih. Akhbar Singapura berulang kali menekankan republik itu mempunyai kedaulatan ke atas apa yang mereka sebut

sebagai Pedra Branca kerana penjajah British memilikinya sejak 1840-an dan

membina rumah api Horsburg di situ pada 1850.

Hakikat sejarah bahawa East India Company milik British terpaksa meminta

kebenaran daripada Kesultanan Johor bagi membina rumah api itu tidak disebut langsung. Jika pulau itu milik penjajah British, mengapa ia harus

meminta kebenaran Kesultanan Johor?

Kehadiran Singapura sebagai penyelia rumah api Horsburg di Pulau Batu Putih adalah sama dengan kehadiran mereka di Pulau Pisang dekat Pontian, iaitu menjaga rumah api saja.

Mengapakah ST tidak menyebut langsung fakta sejarah, iaitu tidak ada perjanjian sama sekali yang menyerahkan hak kedaulatan Pulau Batu Putih kepada penjajah British dan kemudian Singapura?

Sejak 1979, apabila isu pemilikan pulau itu timbul dan sejak nelayan Malaysia dihalau dari perairan di situ, Tentera Laut Singapura dan polis marinnya mengawasi dan meningkatkan rondaan mereka.

Pokoknya, kedua-dua negara sudah bersetuju isu tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang bermakna buat sementara ini, soal siapa memiliki pulau itu belum terhurai.

Tetapi dalam pada itu, ST dan kerajaan PAP dengan lantang menuduh kapal ronda Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menceroboh perairan Pulau Batu Putih. Tidakkah kapal perang mereka termasuk RSS Courageous yang remuk dirempuh kapal kontena dekat perairan itu juga menceroboh kerana ICJ belum menentukan lagi siapa memiliki pulau itu?

Kita juga boleh menuduh Singapura menceroboh kerana Pulau Batu Putih terletak terlalu dekat dengan pantai Teluk Ramunia di Johor. Akhbar ST langsung tidak menyentuh soal jarak Pedra Branca dengan pantai di timur Johor itu. Mengapa? Takut pembaca Singapura kehairanan.

Dalam pada itu, ST sengaja menyiar berulang kali rencana dan ulasan wartawan dan tokoh Indonesia yang menuduh kononnya askar, polis dan pegawai Malaysia bersikap angkuh dan sentiasa memberi amaran keras terhadap pelawat dan wartawan Malaysia yang berkunjung ke Sipadan dan Ligitan ketika isu tuntutan dua pulau dekat Sabah itu belum ditentukan pemilikannya oleh ICJ dulu.

Betulkah semua tuduhan dan kisah disogokkan oleh ST kepada pembaca Singapura itu? Mengapakah tidak dilaporkan kapal Indonesia pernah dibenarkan berlabuh di dua pulau itu sedang pemilikannya masih dipertikaikan.

Sedang isu air dan Pulau Batu Putih hangat, ST seolah-olah membuat pembacanya lupa soal pencerobohan bukan saja jet RSAF, malah askar SAF dalam bot tempur ke beberapa batang sungai di Johor seperti Sungai Melayu pada Mei 1987.

Senarai jet pejuang RSAF jatuh terhempas di selatan Johor bukan lagi perkara aneh. Sebagai contoh pada Jun 1968, sebuah jet RSAF mendarat di jalan raya Tampok, Benut kerana rosak, diikuti pada 3 Februari 1969, sebuah jet pejuangnya terhempas di kebun nanas di Pontian dan pada 25 April 1971, helikopternya jatuh di Ulu Tiram.

Kejadian itu berterusan tetapi apakah dilakukan jet RSAF di ruang udara Johor? Tidakkah menceroboh namanya.

Namun, sebagai negara jiran yang baik hati, tidak seorang pun askar Singapura atau juruterbangnya ditangkap atau ditahan. Mengapa senyap saja

apabila semua pencerobohan nyata itu dibongkar semula? Mengapa tidak beritahu pembaca mereka alasan kononnya mereka tersasar atau memang sebenarnya mereka mencari helah mengumpulkan bahan perisikan?

Kita juga tidak membuat ugutan sebagaimana Menteri Pertahanan Singapura, Dr Tony Tan, yang mengancam Malaysia menanggung risiko berat dan bertanggungjawab jika berlaku insiden tidak dapat dikawal apabila kita 'menceroboh' perairan Pulau Batu Putih. Tidakkah itu ugutan mahu menyerang?

Dalam soal air pula, memang mengikut perjanjian harga air disemak semula selepas 25 tahun perjanjian dimeterai pada 1961 dan 1962. Apabila kita

tidak semak tepat pada 1987 dan 1988, Singapura dengan mudah saja mengisytihar kita sudah hilang hak menyemak semula.

Kini ST melaporkan Malaysia mahu dua perjanjian itu dibiarkan mansuh dan tidak akan membekalkan lagi air dari Johor. Ia sengaja memutarbelitkan fakta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan kita tetap membekalkan air tetapi bukannya air mentah tetapi air yang sudah dirawat selepas dua perjanjian itu termansuh. Itupun harga air dirawat itu hendaklah dibekalkan pada kadar berpatutan.

Tetapi Singapura berkeras ia mahu bekalan air mentah dan menghendaki perjanjian bagi bekalan selepas 2061 dimeterai sekarang.

Dalam kekalutan membohongi rakyat dan pembaca Singapura, Menteri Luar, S Jayakumar, pula mengumumkan mereka akan menyiarkan setiap surat-menyurat di antara Menteri Kanan, Lee Kuan Yew, dengan Dr Mahathir mengenai isu air demi pengetahuan umum.

Tujuannya adalah semata-mata untuk memberitahu kononnya Malaysia tidak menepati janji. Tetapi nota tambahan kepada surat-surat itu tidak didedahkan. Apa didedahkan hanyalah bahagian yang memihak Singapura.

Sepatutnya rakyat Singapura harus difahamkan air yang disalurkan itu adalah milik Malaysia. Bagaimana pula Singapura tiba-tiba berkeras mahu bekalan diteruskan selepas dua perjanjian itu termansuh pada 2011 dan 2061? Ia mahu rundingan mengenai semakan harga air mentah diteruskan dengan syarat soal bekalan selepas 2061 dirundingkan sama.

Bagi Malaysia, soal perjanjian lama diteruskan tidak timbul langsung kerana apa yang kita mahu adalah satu perjanjian baru sama sekali dirangka dan dimeterai dengan kadar harga lebih adil dan patut.

Selepas 2011, Johor sudah pun mampu membekalkan air dirawat, iaitu sudah bersih dan sedia diminum dan itulah yang akan dijual kepada Singapura. Kemampuannya merawat air mentah ditambah dengan pengambilalihan tiga loji milik PUB di Skudai selain Skim Air Semanggar di Kota Tinggi.

Dalam membesar-besarkan isu air mentah dan Pulau Batu Putih, akhbar Singapura dan PAP seolah-olah mahu isu tebus guna tanah di sekitar Pulau Ubin dan Pulau Tekong dipenyapkan, begitu juga penggunaan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad di Tanjung Pagar dan pengeluaran caruman CPF milik pekerja Malaysia.

Kini terbukti tebus guna tanah di Pulau Tekong Besar menjejaskan laluan kapal TLDM menuju ke pangkalan Tanjung Pengelih, begitu juga ke Pelabuhan Pasir Gudang.

Tetapi Singapura tidak peduli. Ia menjawab tebus guna tanah itu dilakukan dalam lingkungan dan batas sempadan perairan miliknya. Namun, sepatutnya sebagai jiran yang prihatin keperluan negara terdekatnya, Singapura sepatutnya berunding dulu.

Wang caruman pekerja kita sepatutnya dibenarkan dikeluarkan sebaik saja mereka berhenti bekerja dan pulang ke Semenanjung.

Tetapi Singapura tidak mahu meminda peraturan sejak zaman British lagi

apabila hanya bekas pekerja dari Sabah dan Sarawak saja boleh mengeluarkan CPF mereka sebaik saja berhenti.

Dalam soal tanah KTMB, Singapura pernah merancang meminda undang-undang bagi merampas kawasan strategik di Tanjung Pagar itu, tetapi hakikatnya adalah British memberi hak pemilikan tanah itu hingga bila-bila.